



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMERIKSA DAGING (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEMERIKSA DAGING
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC/BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2)* atau sebanding dalam bidang *Crop and Livestock Production* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai kebolehan dalam bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

3. Berkebolehan mengendali komputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) adalah merupakan satu kelebihan.

4. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pengurusan dan pemeliharaan ternakan adalah diutamakan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pemeriksaan *post-mortem* dan *ante/mortem* di ladang-ladang ternakan;
2. Menjalankan tugas pemantauan dan surveilans serta lawatan di ladang-ladang dan tempat-tempat penyembelihan ternakan;
3. Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan ternakan sebelum dan selepas disembelih;
4. Merekodkan bilangan kemasukan dan penyembelihan ternakan dipusat penyembelihan.
5. Memantau kebersihan dan sanitasi rumah sembelihan dan loji pemprosesan;
6. Mengambil dan menghantar sampel (swab dan produk) ke makmal veterinar;
7. Menyediakan laporan penyembelihan termasuk laporan bulanan, suku dan tahunan; dan
8. Menerima dan melaksanakan tugas atau lain-lain arahan yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Bahagian/Unit.